

KAPS-16

Kod Amalan Penyeliaan Jarak Jauh

SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH (SPS)

2018

Cetakan Pertama 2016 (KAPS 01 – KAPS 19)
© Sekolah Pengajian Siswazah, 1992

Kod Amalan Pengajian Siswazah (KAPS 01 -19)
Diluluskan Jawatankuasa Eksekutif Sekolah Pengajian Siswazah (4 Julai 2012)
Diluluskan Mesyuarat JKTS Dasar dan Entiti Akademik (7 Mac 2018)
Diluluskan SENAT UTM Bil 07/2017/2018 (21 Mac 2018)

Sekolah Pengajian Siswazah
81310 UTM Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Visi UTM

Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.

Visi SPS

UTM akan menjadi sebuah universiti yang berasaskan kepada Pengajian Pasca siswazah dan sebuah pusat rujukan pendidikan siswazah

Misi UTM

Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif demi pengkayaan khazanah negara.

Misi SPS

Mewujudkan sebuah pusat pendidikan siswazah yang mempunyai ekosistem pembelajaran yang menawarkan program-program berkualiti dan memperkayakan pengalaman pelajar untuk berhadapan dengan dunia yang mencabar.

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	1
2.0 SKOP	1
3.0 DEFINISI	1
4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	2
5.0 PANDUAN PELAKSANAAN	3
6.0 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN	6

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Dokumen ini menerangkan peranan dan tanggungjawab pelajar, penyelia, fakulti dan pihak universiti yang terlibat dalam penyeliaan jarak jauh di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.
- 1.2 Mod penyeliaan jarak jauh direka untuk pelajar tempatan dan antarabangsa yang telah mendaftar dan akan melaksanakan penyelidikan di luar kampus UTM samada di dalam atau di luar negara.
- 1.3 Ia bukan menggantikan opsyen ‘tangguh pengajian’ dan tidak boleh dijadikan sebab untuk pelajar tidak hadir ke univeristi bagi menjalankan penyelidikan.

2.0 SKOP

- 2.1 Kod Amalan Penyeliaan Jarak Jauh Pasca Siswazah UTM

3.0 DEFINISI

3.1 Penyeliaan Jarak Jauh

Penyeliaan Jarak Jauh adalah mod penyeliaan yang melibatkan pelajar tempatan dan antarabangsa yang melaksanakan penyelidikan di luar kampus UTM samada di dalam atau di luar negara.

3.2 Tempoh pemastautin

Pelajar dikehendaki hadir secara fizikal di UTM untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 bulan setiap sesi bagi memenuhi tempoh pemastautin selama 1 semester sepanjang pengajian

3.3 Bersemuka

Interaksi fizikal yang sebenar atau lain-lain komunikasi melalui media teknologi yang memaparkan pelajar dan tutor/fasilitator/pengajar dalam masa nyata untuk membolehkan respons secara langsung.

3.4 Bersemuka Konvensional

Interaksi fizikal yang sebenar secara berhadapan di antara pelajar dan tutor/fasilitator/pengajar.

3.5 Bersemuka Elektronik

Interaksi secara maya melalui media elektronik yang memaparkan pelajar dan tutor/fasilitator/jurulatih berkomunikasi dalam masa nyata (secara langsung pada masa itu).

4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Beberapa pihak terlibat dalam pengurusan siswazah penyelidikan

4.1 Student Recruitment and Admission Division (SRAD)

Memastikan rekod pelajar yang lengkap, benar dan memenuhi kelayakan sebagai pelajar penyelidikan mod jarak jauh.

4.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti (JKA)

JKA Fakulti bertanggungjawab untuk menyokong/ tidak menyokong serta memperakukan permohonan pelajar untuk menjalankan penyelidikan secara jarak jauh berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam permohonan.

4.3 Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)

Mengemaskini dalam sistem penggunaan kod khas bagi pelajar berstatus pengajian jarak jauh.

4.4 Penyelia dan Penyelia Bersama

Rujuk Panduan Tugas dan Tanggungjawab Penyelia

5.0 PANDUAN PERLAKSANAAN**5.1 SYARAT-SYARAT**

Calon pelajar perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- 5.1.1 Pelajar mestilah memenuhi kelayakan akademik yang sama dengan syarat kemasukan bil. 1998 pindaan 1 2013 untuk pengambilan pelajar bagi program perdana.
- 5.1.2 Pelajar perlu memiliki kelulusan Bahasa Inggeris seperti yang disyaratkan merujuk syarat kemasukan Bahasa Inggeris UTM sebelum pendaftaran program dijalankan.
- 5.1.3 Mempunyai pengalaman penyelidikan dan kemampuan melaksanakan penyelidikan secara kendiri.
- 5.1.4 Bekerja di institusi penyelidikan atau institusi pengajian tinggi atau di tempat yang mempunyai kemudahan penyelidikan yang dipersetujui oleh penyelia dan fakulti.
- 5.1.5 Pelajar mengemukakan kebenaran oleh majikan untuk menjalankan penyelidikan.
- 5.1.6 Pelajar perlu menulis kertas cadangan pelaksanaan program yang menggariskan pelaksanaan penyelidikan.
- 5.1.7 Permohonan untuk mendapatkan status pelajar jarak jauh perlulah mendapatkan kelulusan fakulti selepas melengkapkan borang yang disediakan dan diperakukan oleh pihak Sekolah Pengajian Siswazah.

5.2 PERATURAN VISA & IMIGRESEN

- 5.2.1 Pelajar antarabangsa yang ingin belajar sepenuh masa di mana-mana institusi pendidikan di Malaysia perlu memohon Pas Pelajar. Ini adalah merupakan Peraturan 13, Peraturan Imigresen 1963.
- 5.2.2 Pelajar antarabangsa perlu memohon dan mendapatkan kelulusan untuk belajar di Malaysia sebelum memasuki Malaysia.
- 5.2.3 Penukaran Pas Sosial yang sedia ada (*Tourist Visa*) untuk Visa Pelajar tidak dibenarkan.
- 5.2.4 Sebagai pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia, pelajar akan diberikan pas pelajar dan visa untuk satu tahun (atau sebahagian daripada setahun), bergantung kepada negara yang mengeluarkan pasport.
- 5.2.5 Mulai 1 April 2015, permohonan baharu untuk Pra-Ketibaan Visa (VAL) permohonan Visa diuruskan oleh Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Global (Education Malaysia Global Services, EMGS) [<http://educationmalaysia.gov.my/>] sebelum dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia. Sebarang perubahan maklumat terkini tertakhluk kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan EMGS (Education Malaysia Global Services).
- 5.2.6 Pelajar antarabangsa digalakkan untuk memohon visa dua (2) bulan sebelum pendaftaran. Kelulusan visa akan mengambil masa antara enam (6) hingga lapan (8) minggu.
- 5.2.7 Pasport mestilah mempunyai tempoh sahlaku 15 bulan semasa permohonan dibuat. Prosedur serta langkah untuk permohonan Visa boleh didapati dari url: <http://admission.utm.my/visa-and-immigration-regulation/>.

- 5.2.8 Universiti tidak bertanggung jawab terhadap kemalangan yang menimpa pelajar semasa menjalankan kajian di lokasi berkenaan serta semasa perjalanan ke Universiti selain yang tertakhluk kepada insuran pelajar.
- 5.2.9 Pelajar digalakkan mendapat perlindungan insurans peribadi.

5.3 KELAYAKAN PENYELIA

- 5.3.1 Penyelia Utama mestilah staf akademik siswazah yang layak menyelia sebagaimana yang ditetapkan oleh polisi penyeliaan jarak jauh UTM dan telah mengikuti kursus 'Remote Supervision' di bawah kendalian UTMLead.

5.4 PELANTIKAN PENYELIA

- 5.4.1 Pelantikan penyelia utama, bersama dan industri dibuat oleh Sekolah Pengajian Siswazah dengan sokongan dari JKA Fakulti.

5.5 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA DAN FAKULTI

- 5.5.1 Adalah menjadi tanggungjawab Fakulti untuk memastikan menyediakan kursus Metodologi Penyelidikan dan kursus elektif universiti dengan jangka masa yang bersesuaian untuk diikuti oleh pelajar di bawah penyeliaan jarak jauh.
- 5.5.2 Fakulti bertanggungjawab memastikan pelajar memberikan maklumat berkaitan kemudahan dan peralatan penyelidikan di lokasi penyelidikan.
- 5.5.3 Penyelia perlu menyatakan dengan jelas mutu dan kualiti kerja bertulis yang diharapkan dari pelajar.
- 5.5.4 Fakulti dan penyelia perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar di akhir setiap semester dengan melengkapkan borang Laporan Kemajuan secara atas talian di laman web GSMS.

5.6 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- 5.6.1 Pelajar perlu mengikuti kursus universiti dan kursus umum berkenaan mengikut jangkamasa yang telah ditetapkan oleh UTM sama ada secara bersemuka elektronik atau konvensional
- 5.6.2 Pelajar perlu berkomunikasi bersama dengan penyelia sekurang-kurangnya sekali sebulan melalui telekomunikasi seperti telefon, SKYPE atau *video conferencing*.
- 5.6.3 Pelajar dikehendaki hadir secara fizikal di UTM untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 bulan setiap sesi bagi memenuhi tempoh pemastautin selama 1 semester sepanjang pengajian.

5.7 PEPERIKSAAN

- 5.7.1 Pelajar boleh membuat pembentangan penilaian peringkat pertama secara bersemuka konvensional atau elektronik.
- 5.7.2 Sesi peperiksaan lisan mesti diadakan di UTM dan pelajar perlu menghadiri sesi berkenaan secara fizikal.
- 5.7.3 Semua proses dan syarat lulus peperiksaan perlu dipenuhi seperti yang tercatat dalam Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah – KAPS 10.

5.8 SYARAT GRADUAN

- 5.8.1 Pelajar perlu memenuhi semua syarat graduan universiti dan lain-lain syarat yang dinyatakan dalam kurikulum pengajian.
- 5.8.2 Syarat-syarat tambahan penganugerahan juga adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik di bawah Perkara 24.

6.0 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN

- i. Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah (KAPS-10)
- ii. Kod Amalan Pengambilan Pelajar Pasca Siswazah (KAPS-09)
- iii. Peraturan Akademik Program Pasca Siswazah
- iv. Panduan Penyeliaan Jarak Jauh Ijazah Sarjana Penyelidikan Dan Program Kedoktoran